

RM14 juta naik taraf Klana Resort Seremban

SEREMBAN — Menteri Besar Incorporated (MBI) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan akan menaik taraf Klana Resort Seremban bagi menarik kedatangan pelancong.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, sebanyak RM14 juta diperuntukkan untuk projek naik taraf tersebut yang akan mengambil masa setahun dan dijangka siap hujung tahun depan.

"Mengikut industri perhotelan, bilik-bilik perlu dinaik taraf setiap lima tahun sekali te-

tapi di Klana Resort Seremban, tak pernah dinaik taraf secara besar-besaran sejak ditubuhkan pada 1992.

"Kali ini kita nak naik taraf kesemuanya 230 bilik di hotel ini yang dibuat secara berperingkat-peringkat bermula dengan *family suite*, sistem pendingin hawa, dewan banquet dan bilik-bilik mesyuarat juga dinaik taraf.

"Fasiliti seperti bilik gym dan bilik permainan juga akan kita tambah," katanya selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Insentif Khas

Warga Kerja Klana Resort Seremban di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus Besar Klana Resort Seremban Md Yazid Mustaffa.

Menurutnya, selepas dinaik taraf kelak, pihak pengurusan akan memperkenalkan harga baru bagi setiap perkhidmatan yang ditawarkan termasuk harga bilik.

Pada majlis itu, 161 warga kerja Klana Resort Seremban menerima insentif khas yang disampaikan Mohamad sebagai tanda penghargaan atas hasil kerja mereka.



Mohamad bersama kakitangan Klana Resort Seremban di sini, semalam selepas menyampaikan sumbangan insentif khas.